1,326 di 23 Kabupaten/kota. Antara jenis penderaan yang kerap berlaku ialah kes perogolan dan penderaan seksual iaitu sebanyak 2556 antara tahun 2012 hingga 2015. Begitu juga dalam kajian Bahri dan Fajriani (2015) bahawa di sepanjang tahun 2012 hingga 2014 telah terjadi 224 kes penderaan seksual di lapan kabupaten kota. Secara keseluruhan, jumlah kes penderaan seksual yang terjadi mengalami peningkatan sebesar 95.7% dari tahun 2012 (47 kes) ke tahun 2013 (92 kes) (Bahri & Fajriani, 2015). Data-data tersebut menunjukkan banyaknya kes-kes penderaan seksual terjadi setiap tahunnya yang terus mengalami peningkatan. Memandangkan kes penderaan seksual di Aceh masih di tahap yang agak membimbangkan, maka kajian untuk membantu mangsa-mangsa dari aspek psikologi terutamanya kanak-kanak adalah kritikal dan perlu diketengahkan.



dan perkembangannya (Nader, 2011; Orange, Leo & Brodwin, 2005). Secara fizikal, kanak-kanak mangsa penderaan seksual mengalami kesakitan pada bahagian organ sulit dan pendarahan serta lebam-lebam kerana cengkeraman pelaku yang kuat pada bahagian-bahagian tubuh mangsa. Noviana (2015) menjelaskan secara emosional, kanak-kanak sebagai mangsa penderaan seksual mengalami stres, depresi, goncangan jiwa, rasa bersalah dan menyalahkan diri sendiri, rasa takut berhubung dengan orang lain, bayangan peristiwa traumati dimana kanak-kanak menerima penderaan seksual, mimpi buruk, kesukaran tidur (insomnia), ketakutan dengan hal yang berhubungan dengan benda, bau atau tempat, harga diri yang rendah, dan ketidakfungsian seksual apabila dewasa. Kesan psikologi segera terhadap kanak-kanak setelah peristiwa ialah mengalami *powerlessness*, dimana mangsa merasa tidak berdaya dan terseksa ketika menceritakan peristiwa penderaan seksual yang berlaku dalam dirinya.





Kesan-kesan yang dialami kanak-kanak mangsa penderaan seksual merupakan simptom trauma yang memerlukan bantuan dan rawatan segera. Namun begitu bantuan segera dari aspek psikologi tidak kurang diberi perhatian (Rumtianing, 2016). Lebih-lebih lagi keadaan ini bertambah teruk jika pelaku adalah di bawah umur dan tidak boleh diberikan saman dari segi undang-undang, masih tinggal berdekatan dengan rumah mangsa. Hal ini menyebabkan mangsa mengalami tekanan psikologi dan *secondary trauma* (Bahri & Fajriani, 2015). Mangsa dilayan secara tidak adil dengan dipindahkan atau diasingkan dari keluarga untuk ditempatkan di panti asuhan atau rumah saudara mara di daerah lain. Tindakan keluarga dan pihak berkuasa yang bertujuan untuk melindungi kanak-kanak dan maruah keluarga secara tidak langsung telah menyumbang kepada simptom-simptom trauma kanak-kanak. Menurut Bahri dan Fajriani (2015), kurangnya pengetahuan ibu bapa dalam mengendalikan anak yang mengalami trauma biasanya mengambil tindakan untuk menerima bayaran pampasan daripada pihak pelaku. Hal ini memberi persepsi kepada pelaku bahawa permasalahan tersebut boleh diselesaikan dengan wang tanpa mempertimbangkan kesan jangka panjang terhadap mangsa. Ibu bapa cenderung untuk menyembunyikan permasalahan tersebut agar tidak mengaibkan keluarga. Maka cara penyelesaian lebih mengutamakan untuk menjaga maruah keluarga berbanding memulihkan kondisi dan menuntut hak perlindungan anak.

Pada umumnya bantuan yang diberikan hanya psikososial dalam beberapa kali pertemuan dan masih kurang terlatih menjalankan kaunseling trauma (Azzahrah djohan, 2017). Menurut Samsiah Mohd Jais dan Mohammad Nasir Bistamam (2018), bantuan psikologi yang seharusnya diberikan pada kanak-kanak mangsa penderaan seksual dimulai dengan memastikan keamanan, kestabilan psikologi, dan kesihatan





fisikal kanak-kanak. Seterusnya diberikan kaunseling krisis atau kaunseling trauma bergantung kepada keadaan kanak-kanak tersebut. Malangnya kekurangan tenaga kaunselor trauma, tidak tersedianya tempat kaunseling, serta budaya masyarakat Aceh yang tercermin dari nilai-nilai Islam. Perihal tersebut memberikan batasan terhadap keeluasaan menerapkan rawatan trauma pada kanak-kanak mangsa penderaan seksual.

Intervensi untuk trauma semakin banyak dikembangkan untuk membantu kanak-kanak mangsa penderaan seksual seperti *Cognitive Behavioral Therapy* (CBT), terapi permainan (*play therapy*), *Cognitive Therapy*, *Exposure Therapy* (Mashar, 2011), *Rational Emotive Behavioural Therapy* (REBT) (Ningsih & Afriona, 2017), Rawatan Trauma Fokus (TF) (Cook, Spinazzola, Ford, Lanktree, Blaustein, Cloitre, & Mallah, 2017), teknik bercerita, dan *Animal Therapy* (Dietz, Davis & Pennings, 2012). Terdapat juga pengkaji yang mengintegrasikan aspek spiritual dalam rawatan trauma kanak-kanak dengan menggunakan pendekatan CBT (Walker, Reese, Hughes & Troskie, 2010). Setakat ini aspek agama menjadi bahagian penting yang dikembangkan dalam literatur kajian traumatik (Bryant-Davis, Ellis, Burke-Maynard, Moon, Counts & Anderson, 2012). Namun, pendekatan dan terapi diatas belum diimplimentasikan secara efektif di lapangan khususnya di Aceh.

Tambahan lagi, Aceh didominasi dengan budaya yang terinternalisasi oleh nilai-nilai Islam, sehingga kehidupan masyarakat banyak diatur berdasarkan hukum-hukum Islam termasuk pola pikiran masyarakat setempat (Nurdin, 2013). Contohnya cara masyarakat menghadapi dan menyelesaikan masalah iaitu dengan terbangunnya pola pikir dan persepsi terhadap takdir yang sudah ditentukan oleh yang Maha Kuasa. Pegangan agama masyarakat Aceh juga diterapkan sebagai budaya dalam kehidupan





seharian. Maka penerapan nilai-nilai Islam dalam intervensi rawatan trauma adalah penting. Menurut Hamjah (2010) masyarakat melihat peristiwa traumatik sebagai takdir yang telah ditentukan oleh Allah merupakan salah satu keyakinan dasar dalam Islam iaitu mempercayai Qada dan Qadhar. Hal demikian kanak-kanak di Aceh yang mengalami trauma masih mempunyai motivasi yang tinggi dalam beragama (Ratrin Hestyanti, 2006).

Dengan itu pengaplikasian REBT berbasiskan nilai-nilai Islam adalah intervensi yang menggabungkan kaunseling trauma, pendekatan REBT dan nilai-nilai Islam untuk merawat kanak-kanak mangsa penderaan seksual. Respon yang muncul memiliki dua kecenderungan, respon yang sihat lahir dari keyakinan yang rasional sedangkan respon tidak sihat lahir dari keyakinan irrasional. Keyakinan terhadap qada dan qadar tersebut mendorong terbentuknya keyakinan rasional pada diri mereka sehingga terbebas dari menyalahkan diri sendiri, orang lain dan lingkungannya. Berdasarkan hal tersebut teknik kaunseling REBT dipandang tepat untuk pemulihan trauma kanak-kanak di Aceh dengan memodifikasi nilai-nilai Islam ke dalam REBT.

1.4 Tujuan Kajian

Berdasarkan pendedahan dalam latar belakang maka kajian ini bertujuan untuk meredakan simptom-simptom trauma terhadap kanak-kanak yang terlibat dalam penderaan seksual yang terjadi di Aceh menggunakan Pendekatan Rasional-Emotif-Tingkah Laku Berasaskan Nilai-nilai Islam (REBT-NIS).





1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan dengan mempertimbangkan objektif kajian yang dirumuskan seperti berikut:

1. Melihat tahap-tahap simptom-simptom trauma, depresi, kebimbangan dan stres dalam kalangan kanak-kanak mangsa penderaan seksual.
2. Melihat kesan kaunseling individu REBT-NIS terhadap simptom-simptom trauma berdasarkan ukuran pra ujian, post ujian 1 dan post ujian 2 subjek rawatan kanak-kanak mangsa penderaan seksual.
3. Melihat kesan kaunseling individu REBT-NIS terhadap depresi berdasarkan ukuran pra ujian, post ujian 1 dan post ujian 2 subjek rawatan kanak-kanak mangsa penderaan seksual.
4. Melihat kesan kaunseling individu REBT-NIS terhadap kebimbangan berdasarkan ukuran pra ujian, post ujian 1 dan post ujian 2 subjek rawatan kanak-kanak mangsa penderaan seksual.
5. Melihat kesan kaunseling individu REBT-NIS terhadap stres berdasarkan ukuran pra ujian, post ujian 1 dan post ujian 2 subjek rawatan kanak-kanak mangsa penderaan seksual.
6. Meneroka simptom-simptom trauma dalam bentuk emosi subjek rawatan kanak-kanak mangsa penderaan seksual.
7. Meneroka simptom-simptom trauma dalam bentuk tingkah laku subjek rawatan kanak-kanak mangsa penderaan seksual.





1.6 Soalan Kajian

Merujuk kepada pernyataan masalah kajian yang dibincangkan, kajian ini merungkap tentang kesan kaunseling individu REBT Berbasis Nilai-nilai Islam (REBT-NIS) terhadap trauma anak yang mengalami penderaan seksual. Kajian ini dilaksanakan bagi mendapat jawapan kepada persoalan-persoalan kajian yang diutarakan seperti berikut:


1. Bagaimana tahap-tahap simptom-simptom trauma, depresi, kebimbangan dan stres dalam kalangan kanak-kanak mangsa penderaan seksual?
2. Adakah kaunseling individu REBT-NIS berkesan terhadap simptom-simptom trauma berdasarkan ukuran pra ujian, post ujian 1 dan post ujian 2 subjek rawatan kanak-kanak mangsa penderaan seksual?
3. Adakah kaunseling individu REBT-NIS berkesan terhadap depresi berdasarkan ukuran pra ujian, post ujian 1 dan post ujian 2 subjek rawatan kanak-kanak mangsa penderaan seksual?
4. Adakah kaunseling individu REBT-NIS berkesan terhadap kebimbangan berdasarkan ukuran pra ujian, post ujian 1 dan post ujian 2 subjek rawatan kanak-kanak mangsa penderaan seksual?
5. Adakah kaunseling individu REBT-NIS berkesan terhadap stres berdasarkan ukuran pra ujian, post ujian 1 dan post ujian 2 subjek rawatan kanak-kanak mangsa penderaan seksual?
6. Bagaimana simptom-simptom trauma dalam bentuk emosi subjek rawatan kanak-kanak mangsa penderaan seksual?
7. Bagaimana simptom-simptom trauma dalam bentuk tingkah laku subjek rawatan kanak-kanak mangsa penderaan seksual?



1.7 Kerangka Konseptual

Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Trauma dengan REBT-NIS



Penderaan seksual merupakan peristiwa traumatik (American Psychiatric Association, 2013) bagi kanak-kanak. Peristiwa traumatik bagi sebahagian kanak-kanak berakibat pada gangguan perubahan yang berterusan dalam keperibadian mangsa, terutama berkaitan dengan harga diri, fungsi seksual, dan hubungan interpersonal yang berterusan dan menjadi teruk seperti PTSD (Roopesh, 2016; John, Cisler, & Sigel, 2017) psikis dan emosi (Weaver, Flannelly, dan Preston, 2003).

American Psychiatric Association (2013) menyebutkan kriteria PTSD pada kanak-kanak berdasarkan pada DSM V dapat ditunjukkan sebagai berikut:

- A. Terpapar terhadap peristiwa traumatik seperti kematian yang mengerikan, luka yang parah, kekerasan seksual, iaitu:
1. Mengalami peristiwa traumatik secara langsung.
 2. Menyaksikan, secara pribadi, kejadian yang berlaku kepada orang lain.
 3. Belajar bahawa kejadian traumatik berlaku kepada ahli keluarga rapat atau sahabat rapat. Dalam kes-kes kematian sebenar atau terancam ahli keluarga atau kawan, kejadian tersebut mestilah ganas atau tidak sengaja.
 4. Mengalami pendedahan berulang atau melampau terhadap peristiwa traumatik secara rinci.
- B. Kehadiran satu atau lebih gejala yang berkaitan dengan kejadian traumatik, bermula selepas peristiwa traumatik berlaku, iaitu:

1. Kenangan yang berulang, tidak sukarela, dan mengganggu yang memudaratkan peristiwa traumatik.

catatan: Pada kanak-kanak yang berumur lebih dari 6 tahun, main berulang mungkin berlaku di mana tema atau aspek peristiwa traumatik dinyatakan.
2. Mimpi yang berulang-ulang di mana kandungan dan atau mempengaruhi mimpi itu berkaitan dengan kejadian traumatik.

catatan: Pada kanak-kanak, mungkin ada mimpi yang menakutkan tanpa kandungan yang dapat dikenali.
3. Reaksi dissociative di mana individu merasakan atau bertindak seolah-olah peristiwa traumatik berulang. (Reaksi sedemikian boleh berlaku pada kontinum, dengan ekspresi yang paling melampau menjadi kehilangan kesedaran sepenuhnya terhadap persekitaran sekarang.)

catatan: Pada kanak-kanak, pemeragaan kembali khusus trauma boleh berlaku dalam permainan.

4. Kecemasan psikologi yang sengit atau berpanjangan pada pendedahan kepada isyarat dalaman atau luaran yang melambangkan atau menyerupai aspek kejadian traumatik.
 5. Menunjukkan reaksi fisiologi kepada isyarat dalaman atau luaran yang melambangkan atau menyerupai aspek peristiwa traumatik.
- C. Penghindaran rangsangan berterusan yang berkaitan dengan peristiwa traumatik, bermula selepas peristiwa traumatik berlaku, seperti yang dibuktikan oleh satu atau kedua-dua berikut:
1. Pengelakan atau usaha untuk mengelakkan kenangan, pemikiran, atau perasaan yang menyedihkan atau berkaitan rapat dengan peristiwa traumatik.
 2. Pengelakan atau usaha untuk mengelakkan peringatan luaran (orang, tempat, perbualan, aktiviti, objek, situasi) yang membangkitkan kenangan, pemikiran, atau perasaan yang menyedihkan atau berkaitan rapat dengan peristiwa traumatik.
- D. Perubahan negatif dalam kognisi dan mood yang berkaitan dengan peristiwa traumatik, bermula atau bertambah buruk selepas peristiwa traumatik berlaku, seperti yang dibuktikan oleh dua (atau lebih) perkara berikut:
1. Ketidakupayaan untuk mengingati aspek penting peristiwa traumatik (biasanya disebabkan oleh amnesia disosiatif dan bukan faktor lain seperti kecederaan kepala, alkohol, atau ubat).

2. Kepercayaan atau harapan negatif yang berterusan dan dibesar-besarkan terhadap diri sendiri, orang lain, atau dunia (contohnya, "Saya tidak baik," "Tidak ada yang boleh dipercayai," "Dunia adalah benar-benar berbahaya," "Sistem saraf saya secara keseluruhannya rosak").
3. Kognisi yang berterusan, menyimpang mengenai sebab atau akibat peristiwa traumatik yang menyebabkan individu menyalahkan diri sendiri atau orang lain.
4. Keadaan emosi negatif berterusan (misalnya: Ketakutan, kemarahan, rasa bersalah, atau rasa malu).
5. Minat atau penyertaan yang ketara dalam aktiviti penting.
6. Perasaan detasmen atau gangguan dari orang lain.
7. Ketidakupayaan berterusan untuk mengalami emosi positif (mis., Ketidakupayaan untuk mengalami kebahagiaan, kepuasan, atau perasaan

- E. Perubahan yang ditekankan dalam rangsangan dan kereaktifan yang berkaitan dengan kejadian traumatik, bermula atau bertambah buruk selepas peristiwa traumatik berlaku, seperti yang dibuktikan oleh dua (atau lebih) perkara berikut:
1. Tingkah laku yang marah dan ledakan kemarahan (dengan sedikit atau tidak ada provokasi) biasanya dinyatakan sebagai agresif lisan atau fizikal ke arah orang atau objek.
 2. Tingkah laku yang melulu atau merosakkan diri.
 3. Hypervigilance.
 4. Sambutan permulaan yang dibesar-besarkan.
 5. Masalah dengan konsentrasi.
 6. Gangguan tidur (mis., Kesukaran jatuh atau tidur yang tidak selesa).

- F. Tempoh gangguan (Kriteria B, C, D, dan E) adalah lebih daripada 1 bulan.
- G. Gangguan ini menyebabkan kesusahan atau kerosakan yang signifikan secara klinikal dalam bidang fungsi sosial, pekerjaan, atau lain-lain penting.
- H. Gangguan tidak dikaitkan dengan kesan fisiologi bahan (mis, Ubat, alkohol) atau keadaan perubatan lain.

Tentukan sama ada:

Dengan gejala disosiatif: Gejala individu memenuhi kriteria untuk gangguan tekanan posttraumatic, dan sebagai tambahan, sebagai tindak balas kepada stressor, pengalaman individu gejala yang berterusan atau berulang seperti berikut:

1. Pengendalian diri: Pengalaman berterusan atau berulang-ulang perasaan terlepas dari, dan seolah-olah seseorang adalah pemerhati luar, proses atau badan mental seseorang (mis., Merasakan seolah-olah seseorang berada dalam mimpi, merasakan rasa tidak semestinya diri atau badan atau masa bergerak perlahan).


2. Derealisasi: Pengalaman yang berterusan atau berulang-ulang mengenai persekitaran yang tidak semestinya (mis., Dunia di sekeliling individu itu berpengalaman sebagai tidak benar, mimpi, jauh, atau diputarbelitkan).

Nota: Untuk menggunakan sub tipe ini, gejala disosiatif tidak boleh dikaitkan dengan kesan fisiologi bahan (mis, Pemadaman, tingkah laku semasa mabuk alkohol) atau keadaan perubatan lain (contohnya, sawan separa kompleks).

Individu yang mengalami trauma pada masa kecil akan menunjukkan gangguan kesehatan hingga dewasa (Duncan, 2009; Lee & Tolman, 2006). Trauma yang masih ada dalam diri individu lebih dari satu bulan setelah kejadian maka akan menjadi *post traumatic stress disorder (PTSD)*. Pada umur yang sangat muda kondisi trauma yang dialami akan memberi pengaruh pada perkembangannya di masa yang akan datang. Kejadian traumatis yang dialami seseorang dari kanak-kanak berpotensi memunculkan tanda-tanda trauma pada masa dewasanya (Clancy, 2009). Tanda-tanda trauma fizikal lebih mudah terlihat daripada tanda-tanda psikis, apabila diperhatikan tanda-tanda fizikal dari penderaan yang dilakukan seperti lebam, berdarah, luka pada bagian vagina dan lainnya dapat dengan mudah didapatkan oleh konselor, dokter dan polis (Brown, Brack, & Mullis, 2008). Lebih lanjut Brown, et.al (2008) menjelaskan bahawa kanak-kanak belum mempunyai kemampuan resiliensi yang baik untuk menghadapi trauma sehingga dapat mengganggu seluruh aspek perkembangannya iaitu emosi, pikiran, akademik dan sosialnya.

Rajah 1.2

Kerangka Konsep Trauma





Ilmu psikologi dalam perkembangannya terhadap upaya memberikan pelayanan bagi Penyembuhan gangguan-gangguan psikologi banyak menggunakan berbagai pendekatan dan teknik-teknik menolong. Tahun 1980 para psikoterapi mulai mengembangkan jenis terapi yang berorientasi pada kognitif, dan sekarang ini masih banyak digunakan dalam proses menolong pada kanak-kanak (Diguseppe & Bernard, 2006). Dalam perjalanannya para praktisi mendapati banyak variabel-variabel yang mempengaruhi terbentuknya kognitif pada anak (Diguseppe & Bernard, 2006). 30 tahun kemudian Rational Emotive Behavior Therapy (REBT) menjadi orientasi dalam publikasi terapi kognitif behavior bagi para praktisi yang berorientasi pada kanak-kanak (Diguseppe & Bernard, 2006).

Dalam REBT, rasionalitas adalah konsep dasar yang perlu diterapkan untuk membuat individu mempunyai kepercayaan. Rasionalitas adalah kunci dari kesehatan psikologis dalam REBT seperti fleksibel, sesuai dengan realitas, logis, dan peningkatan hubungan diri pribadi (Dryden, 2005). Berdasarkan teori REBT manusia akan sangat bahagia ketika tujuan hidup menjadi sangat penting untuk dicapai dan secara aktif berjuang untuk mendapatkannya (Dryden, 2004). Berdasarkan teori tersebut bahwa kepercayaan yang tidak sehat dan irrasional merupakan cabaran yang dapat menjadikan mental tidak sehat dan berakibat pada terjadinya pelbagai persoalan dalam kehidupan.


REBT dalam pelaksanaannya menggunakan model ABCD dalam mendeskripsikan masalah dan proses penyelesaiannya. Berdasarkan model ini, manusia mengalami pengalaman-pengalaman tidak dijangka (A) yang hanya bertindak sebagai penyumbang kepada kepercayaannya (B), sama ada dalam bentuk rasional atau tidak rasional. Kepercayaan (B) pula akan memberi kesan (C) terhadap emosi, tingkahlaku



dan kognitif seseorang. Jika kepercayaan (B) bersifat rasional, maka ia memberi kesan (C) yang positif kepada emosi, tingkahlaku dan kognitif. Manakala jika (B) tidak rasional, maka ia menyebabkan kesan (C) yang negatif. Melalui REBT, seseorang perlu membuang (D) pemikiran-pemikiran tidak rasional yang dimilikinya untuk digantikan dengan pemikiran yang rasional. Proses ini juga disebut sebagai *restructure* pemikiran iaitu mengantikan pemikiran lama yang tidak rasional kepada pemikiran baru yang rasional dan efisien (E) (Mohd Nasir Masroom, Siti Norlina Muhamad, 2016). Dalam kajian ini kerangka konseptual dapat dijabarkan dalam gambarajah berikut.

Rajah 1.3

Teori Abc Rational Emotif Tingkah Laku (REBT) (Lazarevic, 2018)



Manusia sebagai makhluk yang berketuhanan mempunyai tatanan hidup dan nilai-nilai yang menjadi pijakan dan patokan hidup. Nilai-nilai ini menjadi suatu pedoman dalam menjalani kehidupan. Hakim (2012) menjelaskan nilai merupakan suatu yang diyakini kebenarannya dan dianut serta dijadikan sebagai acuan dasar individu dan masyarakat dalam menentukan sesuatu yang dipandang baik, benar, bernilai maupun berharga.



Nilai dalam Islam pada hakikatnya iaitu nilai yang membawa kemaslahatan dan kesejahteraan bagi seluruh makhluk (sesuai konsep *rahmatan lil' alamin*), demokratis, egalitarian, dan humanis (Daulay, 2014). Akal merupakan daya berpikir manusia untuk memperoleh pengetahuan yang bersifat rasional dan dapat menentukan eksistensi manusia. Kiswati (2015) Tuhan menciptakan akal dan menjadikannya sebagai alat untuk mengetahui sesuatu bagi manusia. Akal merupakan jisim yang lembut dan bercahaya, tempatnya ada di kepala dan pengaruhnya ada di dalam hati (Kiswati, 2015 & Fuadi, 2013). Penggunaan akal merupakan hal yang central dalam islam untuk dapat berfungsi dalam kehidupan. Akal merupakan keistimewaan yang dianugerahi untuk dapat menemukan yang baru serta memahami yang sudah ada (Rania & Anwar, 2003). Sholeh (2017) Setiap manusia diberikan kesempatan untuk mencari pengetahuan dan mengembangkan dirinya dengan menggunakan akal pikirannya. Para ulama mengemukakan bahawa manusia memerlukan usaha untuk mencapai kesempurnaan jiwa manusia dengan mengambil ilmu-ilmu teoritis dan mencapai kemampuan yang sempurna untuk melakukan perbuatan baik sesuai kemampuan (Rania & Anwar, 2003).

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan kajian berkaitan dengan pemulihan trauma anak yang mengalami kekerasan seksual di Aceh melalui konseling individu REBT berbasis nilai-nilai islam (REBT-NIS). Dapatan kajian ini nantinya dapat menunjukkan kebergunaan konseling individu REBT berbasis nilai-nilai islam (REBT-NIS) dalam membaiki trauma yang dialaminya. Kajian ini juga dapat menunjukkan pengembangan REBT berbasis nilai-nilai islam (REBT-NIS) yang dapat dijadikan sebagai intervensi penyembuhan trauma





bagi orang-orang muslim yang masih sulit menerima intervensi konseling secara umum. Dapatan kajian ini dapat memberikan pengetahuan dan memperkaya keberfungsian konseling REBT terhadap kelompok-kelompok masyarakat muslim.

Lebih lanjut kajian ini memberi kebergunaan bagi: Kanak-kanak yang mempunyai trauma penderaan seksual dapat membantu penyembuhan trauma yang dialami, sehingga kanak-kanak dapat berkembang dengan baik dan optimal. Trauma yang menurun dan hilang membantu kanak-kanak mengembangkan kemampuan, bakat dan minatnya dengan baik. Teknik ini memberikan kesempatan untuk mengeluarkan berbagai simptom-simptom trauma anak yang mengganggu kehidupan.

Teknik REBT-NIS menjadi salah satu teknik terapi yang dapat digunakan terapis dalam membantu kanak-kanak trauma. Terapis dapat menggunakan teknik ini untuk membantu klien yang sulit menerima bantuan psikologi barat. Bagi beberapa klien yang beragama Islam, teknik ini menjadi alternatif yang dapat digunakan dalam membantu mereka. Lembaga perlindungan kanak-kanak dapat menjadikan dapatan kajian ini sebagai teknik pilihan lainnya untuk membantu pemulihan trauma kanak-kanak mangsa penderaan seksual. Teknik ini dapat dijadikan sebagai bahagian yang digunakan dalam membantu trauma ter khususnya kanak-kanak. Selanjutnya dalam pengembangan profesional kaunseling teknik ini sebagai pengembangan dalam memajukan pelayanan kaunseling praktis. Pengembangan teknik ini memberikan kontribusi dalam menambah teknik kaunseling yang dapat digunakan yang dilandaskan pada nilai-nilai agama.





1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan batasan yang ditentukan sesuai dengan dapatan permasalahan awal di lapangan yang ingin diselesaikan. Kajian ini terbatas pada trauma yang dialami kanak-kanak perempuan (Digiuseppe & Bernard, 2006) yang berada di daerah Aceh dengan trauma penderaan seksual. Tindakan yang digunakan untuk membantu mengatasi trauma adalah kaunseling individu dengan teknik REBT berbasis nilai-nilai Islam dan kaunseling ini diberikan untuk kanak-kanak yang beragama Islam.

1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional menjelaskan tentang pembolehubah bersandar dan pembolehubah tak bersandar. Kajian ini mempunyai dua pembolehubah iaitu teknik REBT-NIS dan Trauma kanak-kanak yang mengalami penderaan seksual.

1.10.1 REBT-NIS

Suatu teknik kaunseling yang membangun pikiran rasional dan menghilangkan pikiran irrasional yang berlandaskan pada nilai-nilai ajaran Islam sabar, redha, percaya pada Qada dan Qadar, mudah memaafkan kesalahan orang lain, dan menerima diri sendiri dilakukan dengan model kaunseling individu.





1.10.2 Trauma

Trauma yang dimaksud dalam kajian ini iaitu gangguan psikologis yang terjadi setelah kanak-kanak mengalami peristiwa penderaan seksual dengan ditandai perubahan pada reaksi fisik dan psikis dan terjadi secara berterusan dalam lebih dari tiga bulan.

1.10.3 Kanak-Kanak

Kanak-kanak yang termasuk dalam kajian ini iaitu kanak-kanak yang disebutkan dalam undang-undang (Noviana, 2015) iaitu dalam Pasal 1 Ayat 1 UU No 23 Tahun 2002 tentang Peradilan anak, “anak adalah seseorang yang belum berusia 18 (delapan belas) tahun, termasuk anak yang masih dalam kandungan” (Noviana, 2015). dengan pengalaman traumatis yang dialami secara berterusan lebih dari tiga bulan setelah peristiwa.

1.11 Definisi Konsep

Untuk tujuan kajian ini, beberapa istilah yang penting akan digunakan berulang kali dalam penulisan kajian ini. Maka, istilah tersebut perlu dikenal pasti dan dijelaskan definisinya secara konsep, antara istilah-istilah yang dikenalpasti seperti:





1.11.1 Pendekatan Rational Emotif Tingkah Laku

REBT yang dimaksud dalam kajian ini adalah pendekatan yang digunakan pada praktik konseling baik individual, atawa kelompok yang membangun pikiran rasional dan menghapus pikiran irrasional (Ellis, 1997) yang mencakup pikiran, perasaan, dan perilaku. Dalam REBT emosi penting akan tetapi kognisi seseorang adalah sumber berbagai masalah psikologis (Erford, 2016). Model A-B-C menyatakan bahwa bukanlah A (kesukaran atau peristiwa mengaktifkan) yang menyebabkan kecemasan dan kelakuan emosi dan tingkah laku yang tidak disengajakan yang juga memunculkan akibat, tetapi B (keyakinan/kepercayaan) yang dimunculkan terhadap A dalam kognitif yang melahirkan C (Akibat). Maka D (penentangan) dijalankan untuk mempertentangkan pemikiran-pemikiran irrasional dan mengarahkan pada pembentukan pikiran-pikiran rasional sehingga memperlihatkan E (Dampak) dan mencapai F (Perasaan) sebagai bentuk dari capaian perubahan yang diharapkan (Matweychuk & Dryden, 2017).

1.11.2 Nilai-Nilai agama Islam

Nilai-nilai agama Islam pada hakekatnya adalah kumpulan dari prinsip-prinsip hidup, ajaran-ajaran tentang bagaimana manusia seharusnya menjalankan kehidupannya didunia ini (Hamjah, 2015). Prinsip-prinsip hidup ajaran islam seperti sabar, redha, percaya pada Qada dan Qadar, mudah memaafkan kesalahan orang lain, menerima diri sendiri dan mempercayai dibalik setiap perkara mempunyai hikmah kebaikan (Mohd Nasir Masroom, Siti Norlina Muhamad, 2016). Nilai-nilai ini dilaksanakan dengan





berlandaskan pada Al Quran, Sunnah, dan ijma' ulama (Hayat, 2017). Nilai-nilai Islam yang mencakup dari nilai akidah, nilai syariah, dan nilai akhlak (Hayat, 2017). Semua nilai ini saling berhubungan dan tidak bisa dipisahkan satu sama lainnya. Akidah dalam Islam mengandung arti adanya keyakinan dalam hati tentang Allah sebagai Tuhan yang wajib disembah, ucapan dalam lisan dan kalimat syahadat dan perbuatan dengan amal sholeh (Hakim, 2012). Pemahaman akan nilai-nilai untuk membentuk sikap dan perilaku diperoleh melalui kerja akal (Rania & Anwar, 2003).

1.11.3 Trauma Penderaan Seksual

Trauma penderaan seksual merupakan gangguan psikologi akibat peristiwa penderaan seksual yang dimunculkan dalam reaksi fisik dan psikis (Duncan, 2009, Matthew J. Friedman et al. 2009) dan berlangsung secara berterusan sehingga semakin teruk dan menyebabkan terjadi PTSD. PTSD kanak-kanak penderaan seksual didasari pada DSM V (American Psychiatric Association, 2013) seperti ditandai rasa takut, cemas, Jantung berdebar-debar, bingung, teringat kembali akan kejadian, mati rasa (Duncan, 2009) mimpi buruk, emosi tidak stabil, gangguan fokus dan konsentrasi, gangguan hubungan sosial.

1.12 Gambaran Demografi Indonesia dan Aceh

Pada bahagian ini akan dibahas tentang gambaran demografi Indonesia dan Aceh mulai dari wilayah, penduduk, budaya dan agamanya.





1.12.1 Indonesia

Indonesia adalah negara kepulauan yang terletak di Asia Tenggara. Memiliki 17.504 pulau yang berpenghuni maupun yang tiada, tersebar di sekitar garis khatulistiwa yang memberikan cuaca tropis. Indonesia terletak pada koordinat 6 derajat lintang utara hingga 11 derajat lintang selatan, serta 95 sampai 141 derajat bujur timur. Indonesia diapit oleh dua benua dan dua samudera. Indonesia terbentang sepanjang 3977 mil diantara 2 samudera yaitu Pasifik dan Hindia. Luas daratan Indonesia adalah 1.922.570 km persegi dan luas lautannya adalah 3.257.483 km persegi (Perpustakaan.id: 2018). Indonesia adalah negara kepulauan yang terletak di Asia Tenggara. Memiliki 17.504 pulau yang berpenghuni maupun tidak yang tersebar di sekitar garis Khatulistiwa yang memberikan cuaca tropis pada negara Indonesia (Perpustakaan.id: 2018).



Penduduk Indonesia terdiri dari berbagai macam suku yang tersebar diseluruh wilayah kepulauan Indonesia. Dari begitu banyak suku dan etnis terdapat 10 etnis yang mendominasi di Indonesia iaitu Jawa, Bugis, Sunda, Malay, Madura, Batak, Minangkabau, Betawi, Banten, dan Banjar (Indonesia Investment, 2017). Kebudayaan yang dimiliki pun beragam mengikut pada etnis dan sukunya. Semua etnis dan suku mempunyai budaya yang mengatur pola kehidupan setiap masyarakatnya. Pada umumnya budaya etnis tertentu dipengaruhi oleh keyakinan atau agama yang dianut. Hal ini begitu kuat mempengaruhi kehidupan masyarakatnya baik dalam interaksi sosial maupun dalam kehidupan keluarga. Sehingga setiap etnis dapat dengan mudah dikenali keyakinan beragamanya dengan melalui kebiasaan masyarakatnya.





Agama di Indonesia juga terdapat lebih dari 1 agama. Namun terdapat agama yang dominan iaitu agama islam sebanyak 87.2 %, kristen protestan 6.9 %, katolik 2.9 %, 1.7 % hindu (Indonesia Investment, 2017). Namun demikian prinsip-prinsip yang terkandung dalam aturan kebijakan negara didominasi oleh nilai-nilai Islam. Di Indonesia agama menjadi bagian penting dari identitas suatu masyarakat, sehingga pola kehidupan masyarakatnya terbangun berdasarkan pada agama yang dianut.

1.12.2 Aceh

Daerah Aceh yang terletak dibahagian paling barat gugusan kepulauan nusantara, menduduki posisi strategis sebagai pintu gerbang lalu lintas perniagaan dan kebudayaan yang menghubungkan timur dan barat sejak berabad-abad lampau. Aceh sering disebut-sebut sebagai tempat persinggahan para pedagang Cina, Eropa, India dan Arab, sehingga menjadikan daerah aceh pertama masuknya budaya dan agama di nusantara (PPID. Acehprov, 2018).

Provinsi aceh terletak antara 01 derajat 58' 37,2" – 06 derajat 04' 33,6" Lintang utara dan 94 derajat 57' 57,6" – 98 derajat 17' 13,2" Bujur timur dengan ketinggian rata-rata 125 meter di atas permukaan laut. Pada tahun 2013 provinsi aceh terdiri atas 18 kabupaten dan 5 kota, 289 kecamatan, 779 mukim dan 6.474 gampong atau desa. Batas-batas wilayah provinsi aceh, sebelah utara dan timur berbatasan dengan selat malaka, sebelah selatan dengan provinsi sumatera utara dan sebelah barat dengan samudera indonesia. Satu-satunya hubungan darat hanyalah dengan provinsi sumatera utara, sehingga memiliki ketergantungan yang cukup tinggi dengan provinsi sumatera





utara. Mayoritas penduduk di provinsi aceh memeluk agama islam. Selain itu provinsi aceh memiliki keistimewaan dibandingkan dengan provinsi yang lain, karena di provinsi ini syariat islam diberlakukan kepada sebagian besar warganya yang menganut agama Islam (PPID.Acehprov, 2018).

Aceh memiliki 13 etnis bangsa asli yang terbesar adalah etnis Aceh yang mendiami wilayah pesisir mulai dari Langsa di pesisir timur utara sampai dengan Trumon di pesisir barat selatan. Etnis lain nya adalah etnis Gayo, (Gayo Lut, Gayo Luwes, Gayo serbajadi) yang mendiami wilayah pegunungan di tengah Aceh. Etnis lainnya seperti, etnis Jamèë di Aceh Selatan, etnis Singkil dan etnis, pakpak di Subulussalam, Singkil dan etnis Alas di Aceh tenggara, etnis. Kluet di Aceh Selatan dan etnis Tamiang di Aceh Tamiang, dan di Pulau Simeulue terdapat etnis Sigulai



Semenjak dulu masyarakat Aceh sangat dipengaruhi oleh nilai-nilai agama dan ulama dalam membangun pedoman hidup sehari-hari. Pengaruh ulama dan nilai-nilai islam sangat kuat memberi pengaruh (Sulistiyanto, 2001). Sehingga pola kehidupan dalam masyarakat hampir semua berlandaskan pada nilai-nilai islam termasuk dalam keluarga. Setiap anak sudah dibiasakan dengan pola tersebut mulai dari kegiatan sehari-hari sampai perilaku dalam keluarga.





1.13 Kesimpulan

Bahagian ini menjelaskan tentang latar belakang dilakukannya penyelidikan, pernyataan masalah, tujuan kajian. Berikut pada bahagian ini juga membahas objektif kajian, soalan kajian, kerangka konseptual dan kepentingan kajian. Selanjutnya untuk memahami secara lebih dalam lagi pelaksanaan kajian ini maka di jelaskan juga tentang batasan kajian, definisi konseptual, operasional, serta demografis Indonesia dan Aceh juga dijelaskan pada bahagian ini untuk memberikan gambaran penyelidikan yang terfokus pada penderaan seksual dan Teknik kaunseling yang diberikan untuk membantu pemulihan trauma.

